

02/02/1998

Ada tempat untuk Zainal: Annuar

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Ketua Umno bahagian Peringat, Datuk Annuar Musa berkata, beliau mengambil keputusan yang mungkin tidak disenangi penyokongnya berikutan cadangan memberi jawatan penting kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dalam barisan kepemimpinan Umno bahagian itu.

Langkah itu sebagai usaha melaksanakan saranan Presiden parti selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti peringkat bahagian yang dijangka bermula 12 Mac ini.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, apa yang penting bagi beliau ialah melaksanakan keputusan yang dipersetujui seluruh anggota Badan Perhubungan Umno negeri dalam mesyuarat itu pada 26 Januari lalu, dipengerusikan Dr Mahathir.

Katanya, sebagai ketua bahagian, beliau tidak boleh memikirkan kepentingan peribadi dan untuk pihak tertentu saja, tetapi perlu menjaga keutuhan dan semangat perpaduan dalam parti.

Sehubungan itu, beliau akan berbincang dengan Jawatankuasa Umno bahagian untuk mendengar pandangan mengenai langkah memberi jawatan sesuai kepada Zainal Abidin untuk memantapkan lagi Umno bahagian itu, walaupun ia mungkin tidak dapat memuaskan hati semua pihak.

Katanya, dalam hal ini, pihak yang terbabit tidak boleh mendengar pandangan penyokong masing-masing saja kerana ia boleh merumitkan jalan penyelesaian yang mungkin tidak dapat dicapai.

"Jadi, saya mesti bersedia membuat pendirian yang barang kali penyokong saya tidak bersetuju, tetapi saya mesti ada ketegasan ini (memberi jawatan kepada Zainal Abidin)."

"Kalau saya memikirkan kepentingan saya dan puak saya, saya tidak boleh ambil Zainal Abidin, tapi kita tidak boleh fikir dari sudut itu. Zainal mesti berada di dalam (Umno bahagian Peringat) untuk memperkuatkan parti," katanya.

Sebelum ini Annuar berkata, Zainal Abidin akan diberi jawatan sesuai dan lebih tinggi dalam Umno bahagian Peringat.

Bagaimanapun, beliau berharap agar Zainal Abidin lebih berdisiplin dalam membuat kenyataan umum, khususnya mengenai keputusan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri baru-baru yang diumumkan Presiden parti bahawa jawatan ketua bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan.

Zainal Abidin sebelum ini disebut-sebut akan mencabar Annuar bagi jawatan ketua bahagian Peringat berkata, sekurang-kurangnya tiga bahagian di Kelantan memerlukan pertandingan bagi jawatan itu.

Kenyataan itu dibuat selepas mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan, 26 Januari lalu dipengerusikan Dr Mahathir bersetuju jawatan ketua bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan, sebaliknya dilakukan secara kompromi.

Annuar berkata, Zainal Abidin sebagai Ketua Penerangan Umno Kelantan dan anggota Badan Perhubungan Umno negeri mempunyai tanggungjawab menyampaikan keputusan parti dengan jelas dan tepat.

"Tanggungjawab semua ahli badan perhubungan selepas kita menerima keputusan di depan pengerusi (Dr Mahathir), kita tidak patut bercakap lain daripada apa yang kita terima."

"Ini sangat salah dari segi prinsip musyawarah, sebab dalam mesyuarat itu semua orang akur, menerima keputusan dan memberi ikrar kepada Presiden

hendak melaksanakan apa yang dipersetujui."

"Saya harap tidak ada lagi pihak lain membuat kenyataan bercanggah dengan apa yang dipersetujui dalam mesyuarat. Kalau kita rasa nak rombak (ubah keputusan), kita bincang semula dalam mesyuarat badan perhubungan," katanya.

(END)